



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 62
No. 4

15hb Februari 2018

TAMBAHAN
No. 2

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

No. 289.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Pavitra a/p Veerasamy, yang beralamat di Block 4D-16-04, Jalan Semarak Api 1, Bandar Baru Ayer Itam, 11500 Ayer Itam, Pulau Pinang dan/ atau Block 1-17-06, Taman Bukit Dumbar, Bukit Dumbar Permai Apartment, 11600 Gelugor, Pulau Pinang dan penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian tersebut suatu permohonan supaya perintah jualan dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan pada 20 Februari 2018 pukul 10.00 pagi (Selasa).

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—7, Seberang Perai Selatan. No. Lot—2681. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 169. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 0703SC2011000360.

Bertarikh 4 Januari 2018
[0703AUC2016000030]

NOOR LIYANA BINTI HASAN
*Penolong Pentadbir Tanah
Seberang Perai Selatan
Pulau Pinang*

No. 290.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Shah Rizal binti Ismail dan Azman bin Ismail, yang beralamat di 23, Solok Nuri 3, Taman Sri Tasek, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang dan/atau 21 B, Kampung Bukit Kukus, 09600 Lunas, Kedah Darul Aman, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian tersebut suatu permohonan supaya perintah jualan dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan pada 14 Mac 2018 pukul 10.00 pagi (Rabu).

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—15, Seberang Perai Selatan. No. Lot—1763. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 139. Bahagian Tanah (jika ada)—Kesemua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 11/2008.

Bertarikh 10 Januari 2018
[0703AUC2017000029]

NOOR LIYANA BINTI HASAN
*Penolong Pentadbir Tanah
Seberang Perai Selatan
Pulau Pinang*

No. 291.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Suhaida binti Sulaiman, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan ini, hendaklah dengan jualan lelong awam, yang akan diadakan pada 1 Mac 2018 pada 10.00 pagi di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan, 14200 Sungai Jawi, Pulau Pinang; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM120,000.00 (Seratus Dua Puluh Ribu Ringgit Malaysia Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM2,080,851.99. Nama pemegang gadaian—CIMB Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM12,000.00 (Dua Belas Ribu Ringgit Malaysia Sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada Satu Ratus Dua Puluh Hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh 28 Jun 2018 dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan

- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—9, Daerah Seberang Perai Selatan. No. Lot—452. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 5. Bahagian Tanah (jika ada)—Kesemua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 377/1982, Jilid 5, Folio 30.

Bertarikh 19 Januari 2018
[0703AUC2017000028]

SUHAIDA BINTI SULAIMAN
*Pentadbir Tanah
Seberang Perai Selatan
Pulau Pinang*

No. 292.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Noor Liyana binti Hasan, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan ini, hendaklah dengan jualan lelong awam, yang akan diadakan pada 13 Februari 2018 pada 10.00 pagi di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan, 14200 Sungai Jawi, Pulau Pinang; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM80,000.00 (Lapan Puluh Ribu Ringgit Malaysia Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/ pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM39,801.41. Nama pemegang gadaian—Bank Simpanan Nasional.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM8,000.00 (Lapan Ribu Ringgit Malaysia Sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;

- (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
- (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadaai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada Satu Ratus Dua Puluh Hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh 12 Jun 2018 dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—15, Daerah Seberang Perai Selatan. No. Lot—3379. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 958. Bahagian Tanah (jika ada)—Kesemua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 1688/2007.

Bertarikh 10 Januari 2018
[0703AUC2017000027]

NOOR LIYANA BINTI HASAN
*Penolong Pentadbir Tanah
Seberang Perai Selatan
Pulau Pinang*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA